

Laporan Tahunan Kelab Komputer

Sepanjang sesi persekolahan tahun 2000/2001, kelab komputer telah berjaya menganjurkan pelbagai kegiatan aktiviti atas kerjasama daripada pihak sekolah, guru penasihat serta ahli-ahli kelab komputer. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut :

1. Pendaftaran ahli baru bagi tahun 2001. Seramai 99 orang pelajar telah mendaftar diri .
2. Mengadakan kelas komputer pada setiap hari Sabtu.
3. Mengadakan kuiz komputer peringkat sekolah pada bulan Januari.
4. Mengadakan aktiviti dedikasi dengan penjualan “KEY CHAIN” untuk mengisi tabung kelab pada bulan Mac .
5. Mengadakan jualan kolar pin yang direka oleh Kelab Komputer.
6. Penyertaan dalam Hari Ko-kurikulum dengan melibatkan diri dalam urusaniaga pada 7hb Julai 2001 . Pelbagai barang telah dijual habis seperti popcorn dan buah-buahan .
7. Berjaya mereka cipta laman website bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail iaitu website ini.
8. Majlis perpisahan diadakan bagi mengenang budi jasa guru-guru dan bekas ahli jawatankuasa Kelab Komputer pada 18hb Ogos 2001 .
9. Mesyuarat Agong kelab Komputer diadakan bagi pemilihan ahli jawatankuasa baru sesi 2001/2002 pada bulan September .

Selain itu, ahli jawatankuasa baru sesi 2001/2002 telah mengadakan perbincangan pada bulan October untuk merancang aktiviti tahunan untuk tahun 2002. Kami juga membuat perbincangan untuk mengemaskinikan laporan kelab-kelab atau persatuan-persatuan dalam laman website SSI. Di samping itu kami juga akan memasukkan isi kandungan yang baru ke dalam website tersebut. Foto-foto dalam website itu juga akan diperbanyak. Diharapkan laman website ini akan dihargai oleh pelajar-pelajar SSI dan juga bekas pelajar SSI pada masa depan .



Laman Utama

1. Pendahuluan

1.1 Dunia sekarang berada dalam era maklumat, di mana Teknologi Maklumat memainkan peranan yang penting untuk kejayaan masa depan dalam dunia tanpa sempadan. Selaras dengan perkembangan ini, Sistem Pendidikan Kebangsaan haruslah mengoptimurnkan penggunaan Teknologi Maklumat untuk tujuan pengurusan serta pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan ini, panduan penubuhan Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah perlu diberi penekanan baru kerana:

- a. Teknologi Maklumat sentiasa berkembang dan berubah;
- b. Kespantasan kemasukan pelbagai program Teknologi Maklumat ke sekolah;
- c. Teknologi Maklumat merupakan penyokong kepada pengajaran dan pembelajaran bestari; dan/atau
- d. Ketidakteragamaan dalam penubuhan dan perkembangan Kelab Komputer/ Teknologi Maklumat Sekolah.

1.2 Tujuan panduan ini ialah untuk memberi panduan kepada guru-guru bagaimana hendak:

- a. Menubuhkan Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah;
- b. Merancang aktiviti; dan
- c. Mengurus dan mentadbir kelab.

2. Matlamat Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah

Dalam usaha negara mempertingkatkan kebolehan rakyat dalam bidang Teknologi Maklumat, matlamat Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah ialah untuk membolehkan murid mendapat pengetahuan dan menguasai kemahiran asas Teknologi Maklumat. Selain daripada itu, murid boleh meningkatkan keupayaan pengkomputeran untuk pembangunan diri sesuai dengan perkembangan Teknologi Maklumat pada masa kini dan akan datang berlandaskan nilai-nilai murni yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara.

3. Objektif Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah

Matlamat Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah boleh direalisasikan melalui objektif yang berikut:

a. Pengetahuan.

- i. Mendedahkan murid kepada pengetahuan asas yang berkaitan dengan sistem komputer/Teknologi Maklumat.
- ii. Membimbing murid mengetahui sistem pengoperasian komputer.
- iii. Memberi murid peluang untuk meneroka perkembangan terbaru dalam pelbagai disiplin ilmu.
- iv. Mendedahkan murid kepada peluang-peluang kerjaya yang berkaitan dengan komputer dan Teknologi Maklumat.

b. Kemahiran.

- i. Menguasai kemahiran mencari dan mengurus maklumat yang sesuai melalui penggunaan Teknologi Maklumat.
- ii. Menguasai kemahiran berinteraksi antara individu/kumpulan melalui kemudahan Teknologi Maklumat dan sistem rangkaian komunikasi.
- iii. Menguasai kemahiran pengaturcaraan yang membolehkan murid membangunkan sesuatu sistem.

c. Nilai.

- i. Memupuk sikap positif terhadap penggunaan Teknologi Maklumat.
- ii. Menggalakkan perkongsian idea dan maklumat di kalangan murid, antara kelab, dan antara institusi atau individu dalam masyarakat.

Pengenalan

Kelab Komputer Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Paroi Jaya telah ditubuhkan pada tahun 1996 apabila makmal Komputer mula beroperasi.

Ahlinya berjumlah 40 orang sahaja kerana komputer sekolah yang ada cuma 20 buah sahaja. Komputer ini adalah dibawah pentadbiran **KDP (Komputer Dalam pendidikan)**.

Kelab komputer menjalankan aktivitinya pada setiap hari Rabu jam 2.30 petang hingga 4.30 petang. Setakat ini kehadiran ahlinya amat menggalakan.

Objektif

- *Menjadikan pelajar celik komputer.*
- *Memberi peluang kepada pelajar menghasilkan daya kreativiti mereka.*
- *Membuka minat pelajar agar mengenali ruang siber lebih luas.*
- *Supaya pelajar dapat menggunakan komputer dan mencari maklumat mengenainya.*
- *Menambah ilmu pengetahuan melalui internet.*